

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RPK 533 - Kaedah & Teknik Penyelidikan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA soalan daripada BAHAGIAN A dan DUA soalan daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. (a) Terangkan ciri-ciri hipotesis yang baik.
(b) Bincangkan peranan hipotesis dalam penyelidikan.
(25 markah)

2. Terangkan bagaimanakah ahli-ahli persampelan dipilih mengikut kaedah-kaedah berikut:-
 - (a) Persampelan Rawak Mudah.
 - (b) Persampelan Sistematis.
 - (c) Persampelan Berstrata.
 - (d) Persampelan Berkelompok dan Berperingkat.
(25 markah)

.../2-

3. Terangkan ungkapan-ungkapan serta hubungannya bagi setiap pasangan berikut:-
- (a) Sampel; populasi.
 - (b) Konsep; teori.
 - (c) Skil ordinal; skil nominal.
 - (d) Ralat persampelan; ralat bukan persampelan.
- (25 markah)
4. Huraikan peranan kaji selidik pra-ujian atau rintis dalam sesuatu kajian.
- (25 markah)

BAHAGIAN B

5. Berdasarkan kepada satu contoh yang anda ketahui, terangkan langkah-langkah penting yang perlu diambil untuk menjalankan penyelidikan.
- (25 markah)
6. Anda dikehendaki menjalankan satu kaji selidik setingan yang berselerak di sekitar sebuah bandar. Lokasi rumah-rumah mereka sukar dikenalpasti dari rekod-rekod sedia ada.
- (a) Apakah kaedah persampelan yang paling sesuai untuk kajiselidik di atas? Berikan ulasan bagi jawapan anda.
 - (b) Jelaskan bagaimanakah anda membuat persampelan untuk kajiselidik ini?
- (25 markah)
7. Masalah utama berhubung dengan kajiselidik secara pos ialah kadar respons yang agak rendah.
- (a) Dalam keadaan bagaimanakah kajiselidik ini sesuai dilakukan?
 - (b) Bagaimanakah caranya untuk mempertingkatkan kadar respons kajiselidik ini?
- (25 markah)

...3/-

8. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan analisis bukan berparameter?
- (b) Berdasarkan kepada satu kaedah statistik yang terdapat dalam pakej SAS atau SPSSX, terangkan bagaimanakah analisis bukan berparameter dijalankan?

(25 markah)

-ooo00ooo-